

**AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976
(AKTA 171)**

**UNDANG-UNDANG KECIL
PENGANGKUTAN BAHAN
(WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 1997**

P.U.(A) 498/97

SENARAI PINDAAN :

BIL.	NO. P.U.(A) NO. P.U.(B)	TARIKH DIWARTAKAN	CATITAN
1			
2			
3			
4			
5			
6			
7			
8			

P.U. (A) 498.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PENGANGKUTAN BAHAN
(WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 1997

- Akta 171.* PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976, Datuk Bandar Kuala Lumpur membuat, dan menurut seksyen 103 Akta tersebut Menteri mengesahkan, undang-undang kecil yang berikut:
- Nama dan pemakaian.* 1. Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan Undang-Undang Kecil Pengangkutan Bahan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1997 dan hendaklah terpakai hanya bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
- Taksiran.* 2. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—
- “bahan” ertinya apa-apa bahan seperti batu, batu kapur, tanah liat, pasir, lumpur, batu kerikil, tanah, batu-batan, simen, batu-bata, konkrit, jubin, kaca, asfalt, batu tar dan apa-apa bahan lain yang diperolehi melalui penggalian atau diperolehi daripada menguari dan semua bahan buangan lain hasil daripada runtuh bangunan;
- Akta 190.* “Datuk Bandar” ertinya Datuk Bandar Kuala Lumpur yang dilantik di bawah seksyen 4 Akta Ibu Kota Persekutuan 1960;
- “jalan” ertinya mana-mana jalan awam atau mana-mana jalan lain yang orang awam mempunyai akses;
- Akta 333.* “kenderaan” hendaklah mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987.
- Pengangkutan bahan melalui jalan.* 3. Tiada bahan boleh diangkut melalui mana-mana jalan tanpa kebenaran Datuk Bandar.
- Permohonan untuk kebenaran.* 4. (1) Tiap-tiap orang yang bercadang untuk mengangkut bahan melalui mana-mana jalan hendaklah, sebelum berbuat demikian, memohon kebenaran Datuk Bandar.
- (2) Sesuatu permohonan untuk kebenaran yang tersebut dalam perenggan (1) hendaklah dibuat dalam apa-apa bentuk dan cara sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Datuk Bandar.
- (3) Bagi maksud menimbangkan permohonan itu Datuk Bandar boleh menghendaki pemohon mengemukakan butir-butir yang berikut:
- (i) kad pendaftaran kenderaan yang akan digunakannya;
- (ii) nama dan alamat pemunya kenderaan itu;

- (iii) nama dan alamat orang yang menjaga atau mengawal kenderaan itu;
- (iv) bahan yang akan diangkut;
- (v) tempat di mana bahan akan diangkut;
- (vi) pelan yang menunjukkan jalan yang akan digunakan bagi pengangkutan bahan dengan nama jalan ditandakan dengan jelas di dalamnya; dan
- (viii) apa-apa maklumat lain sebagaimana yang disifatkan perlu oleh Datuk Bandar.

5. Datuk Bandar boleh meluluskan, atau tidak meluluskan mana-mana permohonan tersebut, atau meluluskan mana-mana permohonan tersebut atas apa-apa syarat yang difikirkannya patut, atau boleh menghendaki apa-apa perubahan dibuat terhadap jalan yang dicadangkan untuk mengangkut bahan dan boleh melarang pengangkutan bahan melalui jalan itu semasa tempoh tertentu hari itu.

Meluluskan atau tidak meluluskan permohonan.

6. Setelah meluluskan permohonan, Datuk Bandar hendaklah mengeluarkan permit bagi tiap-tiap kenderaan yang digunakan untuk mengangkut bahan tertakluk kepada—

Pengeluaran permit.

- (a) apa-apa syarat atau sekatan sebagaimana dinyatakan oleh Datuk Bandar dalam permit itu;
- (b) bayaran fee sebanyak lima puluh ringgit bagi tempoh satu tahun atau sebahagiannya; dan
- (c) bayaran deposit tidak melebihi dua ribu ringgit seperti yang akan ditentukan oleh Datuk Bandar untuk memastikan bahawa syarat dan sekatan dalam permit dan peruntukan Undang-Undang Kecil ini dipatuhi dengan sewajarnya.

Dengan syarat bahawa apabila permit diperbaharui tiada deposit lanjut dikehendaki.

7. Permit hendaklah sah selama tempoh tidak melebihi satu tahun dan hendaklah diperbaharui tertakluk kepada bayaran fee sebagaimana yang dinyatakan dalam undang-undang kecil 6 dan boleh tertakluk kepada apa-apa syarat dan sekatan baru.

Kesahan dan pembaharuan permit.

8. Melainkan jika dilucutkan oleh Datuk Bandar, deposit yang dibayar di bawah undang-undang kecil 6 hendaklah dibayar balik kepada pemegang permit tanpa penyelarasan bunga ke atas jumlah yang didepositkan.

Bayaran balik deposit.

9. (1) Datuk Bandar boleh, selepas memberi pemegang permit satu peluang untuk didengar, melucutkan sepenuhnya atau sebahagian daripada deposit jika dia berpuas hati bahawa terdapatnya pelanggaran syarat atau sekatan yang dinyatakan dalam permit atau pelanggaran mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini.

Pelucutan deposit.

(2) Sebelum keputusan dalam perenggan (1) dibuat Datuk Bandar boleh menggantung permit itu dan mengarahkan pemegang permit menyerahkan permit tersebut kepadanya.

Penyerahan
permit pada bila-
bila masa.

10. Pada bila-bila masa semasa tempoh kesahan, pemegang permit boleh menyerahkan permit kepada Datuk Bandar dan selepas itu, permit terhenti menjadi sah dan fee yang dibayar untuk permit itu tidak akan dibayar balik.

Penyerahan
permit, dsb., atas
kerosakan dsb.,
kenderaan.

11. Jika sesuatu kenderaan yang berkenaan dengannya permit telah dikeluarkan itu rosak atau dijual atau sebaliknya telah dipindahkan kepada beberapa orang lain selain daripada pemegang permit semasa permit itu sah tempohnya, pemegang permit hendaklah dengan segera memberitahu Datuk Bandar tentang kerosakan, penjualan atau pemindahan lain itu, dan dalam hal penjualan atau pemindahan lain, nama dan alamat orang yang kepadanya kenderaan itu telah dijual atau dipindahkan dan permit yang telah dikeluarkan bagi kenderaan itu hendaklah diserahkan kepada Datuk Bandar untuk pembatalan.

Pembatalan
permit.

12. Datuk Bandar boleh pada bila-bila masa membatalkan permit yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini jika terdapatnya pencabulan mana-mana syarat atau sekatan yang dinyatakan dalam permit atau pelanggaran mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini.

Permit hendaklah
disimpan dalam
kenderaan.

13. Salinan asal permit hendaklah pada setiap masa disimpan dalam kenderaan dan hendaklah dikemukakan bagi pemeriksaan apabila dikehendaki oleh Datuk Bandar.

Pelekat.

14. (1) Apabila mengeluarkan permit Datuk Bandar hendaklah mengeluarkan kepada pemegang permit suatu pelekat yang mengandungi nombor siri, nombor kenderaan dan tempoh sah permit.

(2) Pelekat yang disebut dalam perenggan (1) undang-undang kecil ini hendaklah dilekatkan dan dipamerkan setuap masa di bahagian kiri cermin depan kenderaan apabila kenderaan digunakan.

Penggantian
permit atau
pelekat.

15. Jika permit atau pelekat telah hilang, rosak atau cacat pemegang permit hendaklah memohon untuk suatu penggantian permit atau pelekat dengan membayar fee sebanyak dua puluh lima ringgit:

Dengan syarat bahawa jika permit atau pelekat telah cacat permit atau pelekat lain tidak akan dikeluarkan melainkan jika permit atau pelekat yang telah cacat itu diserahkan dahulu kepada Datuk Bandar.

Kenderaan
hendaklah dalam
pembinaan yang
sesuai.

16. Tiap-tiap orang yang menggunakan apa-apa kenderaan bagi maksud mengangkut bahan hendaklah—

- (i) memastikan bahawa badan kenderaan itu dalam keadaan yang baik dan tidak ada celah atau lubang dari mana bahan boleh jatuh;

- (ii) memastikan bahawa bahan tidak diisi dalam kenderaan itu melebihi ketinggian bahagian sisi kenderaan itu;
- (iii) menutup bahan dengan kain tarpal, plastik, kanvas atau lain-lain jenis kain yang sesuai;
- (iv) memastikan bahawa roda dan tayar kenderaan itu dibersihkan; dan
- (v) menggunakan jalan-jalan yang ditetapkan oleh Datuk Bandar dan mematuhi syarat-syarat lain yang ditentukan oleh Datuk Bandar.
17. Tiada seorang pun boleh menjatuhkan; menumpahkan atau menaburkan apa-apa bahan dari kenderaan ke atas mana-mana jalan atau menyebabkan kerosakan ke atas mana-mana jalan dalam masa mengangkut apa-apa bahan. Larangan
18. Tiada seorang pun boleh meletakkan apa-apa bahan di mana-mana tempat selain daripada tempat yang dibenarkan oleh Datuk Bandar dan mengikut arahan dan syarat yang dikenakan oleh Datuk Bandar. Meletakkan bahan.
19. Mana-mana perbuatan atau perkara dilakukan atau ditinggal daripada dilakukan oleh seseorang ejen, penjawat atau pekerja dalam masa menjalankan kewajibannya, dan perbuatan atau perkara itu menjadi suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini, maka prinsipalnya, tuan atau majikannya adalah bertanggungjawab ke atas kesalahan itu seolah-olah perbuatan atau perkara itu telah dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan olehnya melainkan jika dia boleh membuktikan bahawa perbuatan atau perkara itu dilakukan tanpa dipersetujui, dibiarkan atau diketahuinya dan bahawa dia telah mengambil segala langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk menghalang daripada dilakukan, atau meninggalkan daripada dilakukan dan menjalankan segala usaha yang sepatutnya untuk mengelakkan berlakunya kesalahan itu. Anggapan.
20. Datuk Bandar boleh atas budi bicaranya mengecualikan mana-mana orang daripada mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini. Pengecualian.
21. Mana-mana orang yang— Kesalahan.
- (i) mengangkut bahan melalui mana-mana jalan yang melanggar Undang-Undang Kecil ini;
- (ii) tidak mematuhi arahan, syarat atau sekatan yang diberi atau dikenakan di bawah Undang-Undang Kecil ini; atau
- (iii) melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini,

adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya dan, bagi sesuatu kesalahan yang berterusan, tidak melebihi denda sebanyak dua ratus ringgit bagi tiap-tiap satu hari kesalahan itu diteruskan.

Dibuat 9 Oktober 1997.
[JHE U²/26/96; PN. (PU²) 328/32.]

TAN SRI DATO³ KAMARUZZAMAN BIN SHARIFF,
Datuk Bandar Kuala Lumpur

Disahkan 13 November 1997

DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD,
Perdana Menteri

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

TRANSPORTATION OF MATERIALS (FEDERAL TERRITORY OF KUALA LUMPUR) BY-LAWS 1997

- Act 171.* IN exercise of the powers conferred by section 102 of the Local Government Act 1976, the Commissioner of the City of Kuala Lumpur makes, and pursuant to section 103 of the said Act the Minister confirms, the following by-laws:
- Citation and application.* 1. These by-laws may be cited as the **Transportation of Materials (Federal Territory of Kuala Lumpur) By-laws 1997** and shall apply only to the Federal Territory of Kuala Lumpur.
- Interpretation.* 2. In these By-laws, unless the context otherwise requires:—
- Act 190.* “Commissioner” means the Commissioner of the City of Kuala Lumpur appointed under section 4 of the Federal Capital Act 1960;
- “material” means any material such as stone, lime, clay, sand, mud, gravel, earth, rock, cement, brick, concrete, tiling, glass, asphalt, tarmac and all other materials obtained by excavation or obtained from quarrying and all other waste materials which are the product of demolition of buildings;
- “road” means any public road and any other roads to which the public has access;
- Act 333.* “vehicle” shall have the same meaning given to it under the Road Transport Act 1987.
- Transportation of material through a road.* 3. No material shall be transported through any road without the permission of the Commissioner.

4. (1) Every person who intends to transport material through any road shall, before doing so, apply for permission of the Commissioner. Application for permission.

(2) An application for the permission mentioned in paragraph (1) shall be made in such form and manner as the Commissioner may determine.

(3) For the purpose of considering the application the Commissioner may require the applicant to produce the following particulars:

- (i) the registration card of the vehicle to be used;
- (ii) the name and address of the owner of the vehicle;
- (iii) the name and address of the person in charge or in control of the vehicle;
- (iv) the materials to be transported;
- (v) the place where the materials are to be transported;
- (iv) a plan showing the road to be used for the transportation of materials with the names of the roads clearly indicated therein; and
- (vii) any other information as the Commissioner deems necessary.

5. The Commissioner may approve, or disapprove any such application, or approve any such application on such conditions as he may think fit, or may require any alteration to be made to the proposed route over which materials are to be transported and may prohibit the transport of materials over this route during specified periods of the day. Approval or disapproval of application.

6. Upon approval of the application the Commissioner shall issue a permit to every vehicle used for the transportation of materials subject to— Issue of permit.

- (a) such conditions or restriction as may be specified by the Commissioner in the permit;
- (b) payment of a fee of fifty ringgit for a period of one year or part thereof; and
- (c) payment of a deposit not exceeding two thousand ringgit as to be determined by the Commissioner to ensure that the conditions and restrictions in the permit and the provisions of these By-laws are duly observed:

Provided that upon renewal of the permit, no further deposit shall be required.

7. The permit shall be valid for a period not exceeding one year and shall be renewable subject to payment of fees as specified in by-law 6 and may be subject to any new condition and restriction. Validity and renewal of permit.

- Refusal of deposit. 8. Unless forfeited by the Commissioner, the deposit paid under by-law 6 shall be refunded to the permit holder with no adjustment of interest on the amount deposited.
- Forfeiture of deposit. 9. (1) The Commissioner may, after giving the permit holder an opportunity of being heard, forfeit the deposit in whole or in part if he is satisfied that there has been a breach of condition or restriction specified in the permit or in contravention of any provision of these By-laws.
- (2) Pending of the decision in paragraph (1) the Commissioner may suspend the permit and direct the permit holder to surrender the permit to him.
- Surrender of permit at any time. 10. At any time during the period of validity the permit holder may surrender the permit to the Commissioner and such permit shall thereupon cease to be valid and the fee paid for the permit shall not be refundable.
- Surrender of permit, etc. on the destruction etc., of vehicle. 11. If a vehicle in respect of which a permit has been issued is destroyed or is sold or otherwise transferred to some person other than the permit holder during the period for which such permit is valid the permit holder shall forthwith inform the Commissioner of such destruction, sale or other transfer, and in the case of a sale or other transfer, of the name and address of the person to whom the vehicle has been sold or transferred and the permit issued for the vehicle shall be surrendered to the Commissioner for cancellation.
- Revocation of permit. 12. The Commissioner may at any time revoke a permit issued under these By-laws if there is violation of the condition or restriction specified in the permit or in contravention of the provisions of these By-laws.
- Permit shall be kept in vehicle 13. The original copy of the permit shall at all times be kept in the vehicle and shall be produced for inspection when so required by the Commissioner.
- Sticker. 14. (1) On the issue of a permit the Commissioner shall issue to the permit holder a sticker bearing a serial number, the vehicle number and the validity period of the permit.
- (2) The sticker mentioned in paragraph (1) of this by-law shall be attached and displayed at all times at the left side of the wind screen of the vehicle when the vehicle is in used.
- Replacement of permit or sticker. 15. If a permit or sticker has been lost, destroyed or defaced the permit holder shall apply for a replacement permit or sticker on payment of a fee of twenty-five ringgit:
- Provided that where the permit or sticker has been defaced another permit or sticker shall not be issued unless the defaced permit or sticker has first been surrendered to the Commissioner.

16. Every person who uses any vehicle for the purpose of transporting materials shall— Vehicle to be of suitable construction.
- (i) ensure that the body of the vehicle is sound and free from gaps or holes through which materials may fall to the ground;
 - (ii) ensure that the materials are not loaded in the vehicle to such a height as to be in excess of the height of the sides of that part of the vehicle;
 - (iii) cover the materials with tarpaulin, plastic, canvas or any other suitable material;
 - (iv) ensure that the wheels and tyres of the vehicle are clean; and
 - (v) use the routes as specified by the Commissioner and comply with all other conditions as may be determined by the Commissioner.
17. No person shall drop, spill or scatter any material from a vehicle on any road or cause damages to any road in the course of transporting any material. Prohibition.
18. No person shall deposit any material in any place other than the place permitted by the Commissioner and in accordance with any direction and condition imposed by the Commissioner. Depositing of material.
19. Where any act or thing is done by or omitted to be done by an agent, servant or employee in the course of his duty, and such act or thing constitutes an offence under these By-laws, his principal, master or employer shall be liable for such offence as if such act or thing had been done or omitted to be done by him unless he can prove that it was done without his consent, connivance or knowledge and that he had taken all reasonable precautions to prevent the doing of, or omission such thing and exercise all due negligence to avoid the commission of such offence. Presumption.
20. The Commissioner may in his discretion exempt any person from any of the provisions of these By-laws. Exemption.
21. Any person who— Offences.
- (i) transports materials through any road in contravention of these By-laws;
 - (ii) fails to comply with directions, conditions or restrictions given or imposed under these By-laws; or
 - (iii) contravenes any of the provision of these By laws,

shall be guilty of an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding two thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding one year or to both and, in the case of a continuing offence, not exceeding a fine of two hundred ringgit for each day the offence is continued.

Made 9 October 1997.
[JHE U²/26/96; PN. (PU²) 328/32.]

TAN SRI DATO' KAMARUZZAMAN BIN SHARIFF,
Commissioner of the City of Kuala Lumpur

Confirmed 13 November 1997.

DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD,
Prime Minister

P.U. (A) 499.

ENAKMEN PERIZABAN MELAYU

PERINTAH PERIZABAN MELAYU (WILAYAH PERSEKUTUAN)
(PINDAAN JADUAL KEDUA) (No. 4) 1997

*N.M.B. Bab 142.
P.U. (A) 60/74.*

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 17(2) Enakmen Perizaban Melayu Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, sebagaimana yang diubahsuaikan oleh Perintah Wilayah Persekutuan (Pengubahsuaian Enakmen Perizaban Melayu) 1974, Yang di-Pertuan Agong membuat perintah yang berikut:

*Nama dan
pemakaian.*

1. Perintah ini bolehlah dinamakan Perintah Perizaban Melayu (Wilayah Persekutuan) (Pindaan Jadual Kedua) (No. 4) 1997 dan hendaklah terpakai hanya bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

*Pindaan Jadual
Kedua.*

2. Jadual Kedua kepada Enakmen Perizaban Melayu Negeri-Negeri Melayu Bersekutu adalah dipinda dengan menambahkan yang berikut kepadanya:

“EON Bank Berhad
KAF Discounts Berhad”.

Dibuat 22 November 1997.
[JPM. WPLK (S): 01/9/4; PN. (PU²) 187/4.]

Dengan Titah Perintah,

TAN SRI ABDUL HALIM BIN ALI,
Setiausaha Jemaah Menteri

MALAY RESERVATIONS ENACTMENT

MALAY RESERVATIONS (FEDERAL TERRITORY) (AMENDMENT OF
SECOND SCHEDULE) (No. 4) ORDER 1997

*F.M.S. Cap. 142.
P.U. (A) 60/74.*

IN exercise of the powers conferred by subsection 17(2) of the Malay Reservations Enactment of the Federated Malay States, as modified by the Federal Territory (Modification of Malay Reservations